



04 MAR, 2026

Penutupan Selat Hormuz jejas bekalan tenaga global

Berita Harian, Malaysia



Penutupan Selat Hormuz jejas bekalan tenaga global

Penutupan atau sekatan sementara di Selat Hormuz berpotensi memberi kesan besar terhadap bekalan tenaga global, sekali gus meningkatkan harga minyak mentah dan gas asli cecair (LNG) serta menambah tekanan kepada kos tenaga domestik.

Menteri Ekonomi, Akmal Nasrullah Mohd Nasir, berkata risiko terhadap laluan transit tenaga penting itu perlu diberi perhatian serius berikutan ketegangan geopolitik yang semakin memuncak di Asia Barat.

Beliau berkata, tindakan ketenteraan Amerika Syarikat (AS) dan Israel terhadap Iran baru-baru ini telah meningkatkan ketidakpastian dalam pasaran minyak dan gas global, sekali gus mencetuskan turun naik harga yang ketara.

"Kita telah melihat harga minyak melonjak apabila pasaran mengambil kira kemungkinan

gangguan bekalan. Ini penting kepada Malaysia kerana LNG yang kita import dari Australia dan pembekal lain berkait rapat dengan harga minyak global," katanya ketika berucap pada Forum CEO OGSE100 Tahun Ke-3 2026 di Kuala Lumpur, semalam.

Akmal Nasrullah berkata, sebarang kenaikan mendadak harga minyak akan memberi kesan kepada kos tenaga industri, penjanaan elektrik dan perbelanjaan bahan api isi rumah.

Beliau menegaskan, risiko utama yang perlu dipantau adalah Selat Hormuz, di mana walaupun penutupan atau sekatan bersifat sementara, ia boleh menjejaskan bekalan global dengan ketara.

"Penutupan atau sekatan di laluan transit tenaga yang penting ini boleh melonjakkan harga minyak mentah dan LNG global serta meningkatkan premium risiko bagi import tenaga," katanya.

Pada peringkat domestik, beliau berkata, kesannya boleh menjadi besar apabila harga minyak mentah Brent kini meningkat menghampiri paras AS\$80 hingga AS\$100 satu tong.

Akmal Nasrullah berkata, walaupun kenaikan harga minyak berpotensi meningkatkan dividen PETRONAS dan hasil kerajaan, keadaan itu akan diimbangi oleh kenaikan kos produk petroleum bertapis yang diimport.

Menurutnya, bagi perniagaan Malaysia dan sektor tenaga elektrik, keadaan ini mewujudkan ketidakpastian terhadap kos bahan api, penetapan harga elektrik serta keselamatan tenaga secara keseluruhan.

"Justeru, penting untuk kita mempelbagaikan sumber tenaga, memperkuatkan kapasiti penjanaan domestik dan mempercepat pembangunan tenaga boleh baharu serta teknologi perali-

han," katanya.

Beliau menegaskan, walaupun Malaysia berada dalam kedudukan yang lebih baik berbanding sesetengah negara, perkembangan semasa membuktikan bahawa keselamatan tenaga tidak boleh dipisahkan daripada daya tahan ekonomi.

"Ia mengenai penyediaan sistem yang mampu mengekalkan bekalan tenaga yang boleh dipercayai, mampu milik dan stabil walaupun berdepan ketidakpastian global serta senario harga minyak tinggi," katanya.

Dalam pada itu, Akmal Nasrullah turut menyentuh pencapaian industri Perkhidmatan dan Peralatan Minyak dan Gas (OGSE) Malaysia yang mencatat rekod hasil RM94.5 bilion seperti dilaporkan dalam OGSE100 bagi 2024.

Beliau berkata, pencapaian itu membuktikan syarikat OGSE tempatan berupaya melaksana-

kan projek berskala besar dan bersaing apabila asas serta kepimpinan yang tepat tersedia.

Namun, beliau mengingatkan, landskap global kini berubah secara pantas dan bukan linear, di mana kekuatan semalam tidak semestinya menjamin kejayaan masa depan.

Menurutnya, di bawah Pelan Hala Tuju Peralihan Tenaga Negara (NETR), Malaysia sedang bergerak ke arah ekonomi rendah karbon yang membuka peluang pelaburan, pekerjaan dan inovasi baharu.

Beliau turut merujuk kepada data Banci OGSE 2024 oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM) yang menunjukkan syarikat tersenarai awam OGSE merekodkan 53 peratus eksport sebagai bahagian daripada jumlah hasil pada 2023, namun keseluruhan industri hanya mencatat 5.96 peratus.